



MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN
KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) yang masih sah dan berdaftar dalam kelas dan kepala / subkepala yang berkaitan yang masih sah dan telah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) (sertakan surat pendaftaran yang telah didaftar dengan MPKS sekiranya ada) yang dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja di bawah:-

BIL.	NO. TENDER	TAJUK TENDER	PENDAFTARAN LESEN UPKJ	HARGA DOKUMEN (TIDAK DIKEMBALIKAN)
1	MPKS/PH/T/13/2026	Supply and Delivery of Refuse Bins to Kota Samarahan Municipal Council for Year 2026	UPKJ Bidang Bekalan dan Perkhidmatan, Kelas B , Kepala VI, Subkepala 3(c)(i) dan/atau 3(c)(ii)	RM 50.00 / SET
2	MPKS/PH/T/5/2026(R1)	Cleanliness Maintenance of Council's Market Year 2026 (Market Bandar Riyal)	UPKJ Bidang Bekalan dan Perkhidmatan, Kelas C , Kepala VII, Subkepala 3(c)(iii)	RM 50.00 / SET
3	MPKS/PH/T/7/2026(R1)	Cleanliness Maintenance of Council's Market Year 2026 (Pusat Penjaja MPKS Tambirat)	UPKJ Bidang Bekalan dan Perkhidmatan, Kelas C , Kepala VII, Subkepala 3(c)(iii)	RM 50.00 / SET

2. Dokumen tender boleh diperoleh di Kaunter 5, Tingkat Bawah, Majlis Perbandaran Kota Samarahan pada waktu pejabat mulai **28HB JANUARI 2026 (RABU)** setelah pembayaran dilakukan di Kaunter Pembayaran MPKS untuk Yuran Dokumen (tidak dikembalikan) dalam bentuk Wang Tunai atau Cek sahaja;

WAKTU PEMBELIAN DOKUMEN TENDER:-

HARI	MASA
ISNIN sehingga KHAMIS	08.00 pagi – 12.30 tengah hari & 2.00 petang - 3.00 petang
JUMAAT	08.00 pagi – 11.30 pagi & 02.15 petang – 3.00 petang

3. Kontraktor (Pemegang Lesen) atau Wakil Kontraktor dikehendaki membawa **SESALINAN SIJIL ASAL** seperti di bawah untuk tujuan pengesahan sebelum dokumen tender boleh dikeluarkan kepada penender yang layak:-

(a) **Sijil Pendaftaran Perniagaan, Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ**

(b) **Kad Pengenalan Pemegang Lesen atau Kad Pengenalan Wakil Syarikat** (wakil dikehendaki membawa surat pengakuan daripada syarikat untuk tujuan pengesahan mengambil dokumen tender bagi pihak syarikat dan sesalinan kad pengenalan yang telah **disahkan**);

(c) **Profil Syarikat** termasuk maklumat **"Plant"** dan **"Equipment"** serta **Pengalaman Kontraktor**.
(dilampirkan sekali semasa menghantar dokumen tender);

(d) **Penyata kewangan 3 bulan terkini syarikat** (dilampirkan sekali semasa menghantar dokumen tender).

*Salinan asal dokumen-dokumen di atas yang telah diperakui sah (**disahkan dengan tandatangan asal dan cop asal**) perlu dimasukkan sekali bersama dokumen tender semasa menghantar dokumen tender. Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Lembaga Tender boleh **MENOLAK** tawaran tender.

4. Dokumen tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **tarikh tutup, nombor dan tajuk tender** dan perlu dimasukkan ke dalam kotak peti **TENDER** yang disediakan di dalam bilik pejabat Setiausaha Perbandaran di Tingkat 1, Pejabat Majlis Perbandaran Kota Samarahan dan dokumen tender hendaklah dialamatkan seperti berikut:-

**Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Kota Samarahan,
94300 Kota Samarahan.**

5. Tarikh akhir pembelian dan tutup bagi tender adalah di atas adalah pada **10HB FEBRUARI 2026 (SELASA)** sebelum jam **12.00 tengah hari** dan sebarang dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.
6. Tempoh sah laku tender hendaklah **90 hari** dari selepas tarikh tutup.
7. Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) tidak terikat untuk menerima tawaran **tender terendah** atau **mana-mana tawaran tender**.
8. Notis tender ini juga boleh dilayari di laman web <http://www.mpks.sarawak.gov.my>.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(GUSTIAN BIN HAJI DURAN)
Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Kota Samarahan